

28/06/2001

PM arah pengawasan Selat Melaka dipertingkat

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan tahap pengawasan di Selat Melaka serta perairan Sarawak dan Sabah dipertingkatkan bagi menjamin keselamatan pengguna.

Perdana Menteri bimbang dengan beberapa kejadian sejak kebelakangan ini di kawasan berkenaan.

"Kita amat bimbang sebenarnya kerana di selat itu ada 63,000 kapal lalu lalang dan kita terpaksa menjamin keselamatan penggunanya. Kita harus mempertingkatkan pengawasan bukan saja di selat itu malah di perairan Sabah dan Sarawak.

"Itu adalah tanggungjawab kita. Kita mahu orang ramai selamat apabila mereka belayar melalui perairan negara," katanya selepas menyampaikan ucapan pada Kongres Pembangunan Ekonomi Dunia di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas beberapa kejadian lanun di perairan negara sejak kebelakangan ini.

Mengenai tindakan Intrakota menamatkan perkhidmatan basnya di 16 laluan sekitar ibu negara yang disifatkan sebagai 'tidak menguntungkan' mulai 15 Julai ini, beliau berkata ia tidak mungkin disebabkan ketidakcekapan syarikat itu semata-mata.

"Mungkin mereka (Intrakota) tidak mendapat jumlah penumpang yang mencukupi...maksud saya ini adalah organisasi perniagaan dan kita tidak boleh meminta mereka untuk menyediakan perkhidmatan amal. Mereka perlu mengambil kira hasil perolehan.

"Saya rasa mereka mempunyai pemegang saham yang tidak mahu kerugian. Sebaliknya, kerajaan masih mengkaji perkara ini bagi menjamin mereka tidak menghentikan perkhidmatan," katanya.

Mengenai pelantikan peguam Matthias Chang Wen Chieh sebagai setiausaha politik Perdana Menteri yang mengangkat sumpah hari ini, beliau berkata ia untuk membantunya dalam hal ehwal masyarakat Cina.

Katanya, ia adalah baik bagi beliau kerana 26 peratus penduduk negara ini terdiri daripada kaum Cina.

(END)